



# MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

## ( JABATAN BANGUNAN )

### SENARAI SEMAK PELAN TAMBAHAN PINDAAN KEDIAMAN (LAMPIRAN EMEL)

CADANGAN MEMBINA TAMBAHAN/PINDAAN RUMAH \_\_\_\_\_,  
\_\_\_\_\_ TINGKAT SEDIA ADA, DI NO. \_\_\_\_\_, JALAN \_\_\_\_\_,  
SEKSYEN \_\_\_\_\_, SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.  
UNTUK \_\_\_\_\_

#### A. KEPERLUAN SURAT DAN DOKUMEN PERMOHONAN

1. Surat permohonan hendaklah mengikut surat contoh Majlis dengan menggunakan 'cover letter' Perunding
2. Tandatangan Perunding pada surat hendaklah sama dengan tandatangan pada pelan-pelan.
3. Tarikh pada surat ialah tarikh pada hari permohonan dikemukakan
4. Tandatangan bagi pihak Perunding tidak dibenarkan pada surat atau pelan-pelan.
5. Tandatangan perunding berdaftar hendaklah menggunakan dakwat basah.
6. Sediakan nombor rujukan Perunding.
7. Pelan-pelan hendaklah diwarnakan biru dan merah dengan jelas dan kemas.
8. Pelan yang dikemukakan minimum bersaiz A1 dan dilipat saiz A4
9. Pelan-pelan yang dikemukakan perlu ditunjukkan sebahagian daripada pelan-pelan rumah bersebelahan termasuk dalam pelan lantai, pandangan dan keratan

\*\*\* SEMUA SYARAT-SYARAT DIBAWAH PERLU DIPATUHI DAN DI TUNJUKKAN DALAM PELAN-PELAN YANG DIKEMUKAKAN

#### B. KEPERLUAN FORMAT LUKISAN

- |   | UNTUK KEGUNAAN<br>PERUNDING |
|---|-----------------------------|
| 1. Format lukisan perlu disediakan di bahagian kanan kertas pada setiap salinan pelan.  | <input type="checkbox"/>    |
| 2. Disediakan ruang kosong dipenjuru atas format lukisan pada setiap pelan berukuran 100mm x 150mm untuk di cop kelulusan Majlis. | <input type="checkbox"/>    |

**UNTUK KEGUNAAN  
PERUNDING**

3. Tajuk cadangan projek hendaklah dicatitkan kegunaan/jenis bangunan, bilangan unit bangunan, bilangan tingkat bangunan, no. rumah, nama jalan, seksyen, poskod, bandar, negeri dan nama pemilik bangunan. **Tidak perlu** dicatitkan mukim dan daerah

4. Nama pemilik bangunan / tuan tanah ( seperti yang dicatitkan dalam S & P / surat hakmilik tanah) tandatangan asal, nombor IC no. telefon dan alamat

5. Dicatitkan dan disahkan pada setiap pelan perakuan berikut :

*“ Saya memperakui bahawa perinci-perinci dalam pelan-pelan ini adalah menurut kehendak-kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 1986 dan saya setuju terima Tanggungjawab penuh dengan sewajarnya “*

.....  
Orang yang berkeelayakan.

( Tandatangan, nama,alamat  
Nombor pendaftaran dan kelas )

6. Nama, alamat, tandatangan, nombor pendaftaran dan cop rasmi Arkitek .(Cop Rasmi Arkitek perlu asal dan di cop)

7. Dicatitkan dan disahkan oleh pemilik pada setiap pelan perakuan berikut :

*“ Saya / kami berjanji akan mematuhi semua peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan serta akan mematuhi pelan yang telah diluluskan Majlis. Pihak Majlis berhak mengambil tindakan undang-undang ke atas saya mengikut Akta yang diperuntukkan “*

.....  
(Tandatangan, nama, alamat dan,  
nombor kad pengenalan pemilik)

**C. KEPERLUAN-KEPERLUAN KHAS**

1 Warnakan merah bagi binaan baru dan biru bagi binaan yang dirobuhkan.

2 Sekiranya pindaan melibatkan tambahan melebihi 50% maka sila rujuk senarai semak pelan dan jadual perkiraan cadangan baru banglo individu – diwarnakan dengan lengkap.

**UNTUK KEGUNAAN  
PERUNDING**

**D. LUKISAN-LUKISAN YANG PERLU DIKEMUKAKAN :-**

- |  |                          |
|--|--------------------------|
| 1. Pelan kunci (menunjukkan seksyen-seksyen di Shah Alam)  | <input type="checkbox"/> |
| 2. Pelan lokasi yang jelas menunjukkan arah dari jalan utama ke tapak skala bersesuaian            | <input type="checkbox"/> |
| 3. Pelan Tapak dalam skala 1 : 200   | <input type="checkbox"/> |
| 4. Pelan Lantai dalam skala 1 : 100  | <input type="checkbox"/> |
| 5. Pelan Tampak Hadapan, Belakang dan Tepi- skala 1 : 100  | <input type="checkbox"/> |
| 6. Pelan Keratan dalam skala 1 : 100   | <input type="checkbox"/> |
| 7. Lukisan Perincian Kebuk Sampah – skala 1 : 25 ( jika dibina baru)                               | <input type="checkbox"/> |
| 8. Lukisan Perincian Kolam Renang – skala 1 : 50 ( jika berkenaan)                                 | <input type="checkbox"/> |
| 9. Lukisan Perincian Pintu Pagar dan 'entrance gate'- skala 1 : 25 (jika di bina baru)             | <input type="checkbox"/> |
| 10. Lukisan Susunatur Sanitari ( Jika melibatkan sanitari baru)                                    | <input type="checkbox"/> |
| 11. Jadual spesifikasi saiz dan jenis tingkap/ pintu dan bukaan lain.                              | <input type="checkbox"/> |
| 12. Jadual peratusan pengudaraan dan pencahayaan (10% dari keluasan keluasan lantai sesuatu ruang) | <input type="checkbox"/> |

**I. PELAN KUNCI**

- |   |                          |
|---|--------------------------|
| 1. Menunjukkan seksyen-seksyen di Shah Alam | <input type="checkbox"/> |
| 2. Tapak cadangan diwarnakan merah          | <input type="checkbox"/> |
| 3. Arah Utara                               | <input type="checkbox"/> |

**II. PELAN LOKASI**

- |  |                          |
|--|--------------------------|
| 1. Menunjukkan arah dari jalan utama ke tapak cadangan | <input type="checkbox"/> |
| 2. Arah Utara  | <input type="checkbox"/> |

UNTUK KEGUNAAN  
PERUNDING

3. Arah Kiblat
4. Skala bersesuaian
5. Nama-nama jalan berhampiran dicatitkan dengan jelas
6. Nombor rumah
7. Bangunan berhampiran dan nombor rumah
8. Tapak cadangan berwarna merah
9. Jalan sediada ke tapak cadangan (arah ke jalan utama)

**III. PELAN TAPAK**

1. Arah Utara
2. Arah Kiblat
3. Skala 1:200
4. Nama-nama jalan berhampiran
5. Nombor rumah
7. 'Dotted line' merah untuk garisan sempadan lot
8. Ukuran lot
9. Garisan anjakan diwarnakan merah
10. Jarak bangunan ('dimension') dari sempadan depan, tepi dan belakang
11. Jarak anjakan bangunan ('dimension set back')
12. Arah saluran air longkang bangunan (baru) ke longkang sediada
13. Cadangan tambahan/pindaan pada bangunan berwarna merah termasuk kebuk sampah, pagar jika berkenaan
14. Ketinggian pagar baru yang dibenarkan tidak boleh melebihi 5'0"

UNTUK KEGUNAAN  
PERUNDING

15. Pagar dan 'entrance gate' baru.

#### IV. PELAN LANTAI

1. Skala 1:100

2. Nombor rumah

3. Jarak anjakan bangunan ('dimension set back')

4. Garisan cucur atap dari sempadan

5. Menyediakan longkang dan apron disekeliling bangunan termasuk rumah teres 'end lot' dan corner lot ( bagi tamb.baru)

6. Arah paip- sinki/basin/long bath/floor trap ke 'gully trap'/ 'grease trap' seterusnya ke lurang (manhole) sekiranya terdapat Alatan sanitari baru

7. Ukuran dan arah bukaan untuk tingkap dan pintu baru

8. Jenis dan saiz tingkap/pintu/telaga udara yang baru pada pelan atau 'legend'

9. Disediakan 'drop' pada lantai dapur dan bilik air (min. 50mm)

10. Kemasan lantai baru pada pelan atau 'legend'

11. Kemasan lantai dapur dan tandas baru hendaklah dari jenis ubin ubin gerlis.

12. Kemasan dinding dari jenis ubin gerlis pada dapur hingga keparas 5'0" dan pada tandas hendaklah sehingga keparas siling

13. Water tap pada w.c, dimana sesuai dalam ruang tandas.

14. Nama, kegunaan ukuran bilik/ruang

15. Disediakan 'drop' pada lantai dapur dan bilik air (min. 50mm) atau diantara ruang basah dengan kering ( tamb. baru).

16. Dicatitkan 'symbol' tingkap dan pintu ( tamb. baru)

UNTUK KEGUNAAN  
PERUNDING

- |  |                          |
|--|--------------------------|
| 17. Disediakan 'window ' dan 'door schedule' ( tamb. baru)   | <input type="checkbox"/> |
| 18. Dicatitkan kemasan lantai termasuk kemasan 'driveway' / apron  | <input type="checkbox"/> |
| 19. Catitkan spesifikasi dinding termasuk 'half wall' dan " party wall" –<br>iaitu "to be plastered and painted on bothsides" bagi dinding baru yang<br>bersempadanan dengan jiran | <input type="checkbox"/> |
| 20. Garisan keratan bangunan memanjang dan menegak   | <input type="checkbox"/> |
| 21. Ukuran tangga – jejak (255mm min.) dan anak tangga<br>(180mm max.). Dicatitkan bilangan anak tangga  | <input type="checkbox"/> |
| 22. Kemukakan perincian tembok penahan (jika ada)  | <input type="checkbox"/> |
| 23. Sedia dan catitkan jenis 'outlet' air di balkoni ( tamb. baru)   | <input type="checkbox"/> |
| 24. Telaga udara ('airwell') jika berkenaan  | <input type="checkbox"/> |
| 25. Panjang 'porch' hendaklah tidak kurang 4.3m untuk<br>keselesaian kereta.   | <input type="checkbox"/> |
| 26. Manhole air tight cover  | <input type="checkbox"/> |
| 27. Menunjukkan sebahagian daripada pelan lantai rumah<br>Bersebelahan terkini.  | <input type="checkbox"/> |
| <br><b>V. PELAN TAMPAK/ PANDANGAN HADAPAN, BELAKANG<br/>DAN TEPI</b>   |                          |
| 1. Jarak bangunan ke sempadan  | <input type="checkbox"/> |
| 2. Ketinggian bangunan dari aras tanah ke lantai dan ke bumbung<br>(hujung bumbung yang tertinggi)   | <input type="checkbox"/> |
| 3. Garisan cucur atap (3'0" max.) dari anjakan bangunan  | <input type="checkbox"/> |
| 4. Jenis dan saiz tingkap / pintu / telaga udara baru pada pelan<br>atau 'legend'  | <input type="checkbox"/> |
| 5. Kemasan dinding   | <input type="checkbox"/> |

UNTUK KEGUNAAN  
PERUNDING

6. Kedudukan paip bolong (rwdp) – hendaklah ditanam dibawah apron
7. Kedudukan 'Vent. Pipe' baru
8. Palong (gutter) disediakan
9. Sudut kecerunan bumbung yang baru
10. Menunjukkan sebahagian fasad terkini rumah bersebelahan.

**VI. PELAN KERATAN MEMBUJUR DAN MELINTANG –**  
dilengkapkan dengan perkara berikut :-

1. Ketinggian bangunan – ruang kediaman tidak kurang dari 2.5 m 'clear height'
2. Tebal dinding pemisah hendaklah tidak kurang 200mm dan hendaklah ditinggikan 230mm minima dari paras bumbung.
3. Sila catitkan ketinggian bangunan dari aras tanah ke lantai
4. Garisan cucur atap (3'0" max.) dari anjakan bangunan
6. Sila catitkan jenis dan saiz tingkap / pintu / telaga udara baru pada pelan atau 'legend'
6. Catitkan spesifikasi dinding
7. Kemasan dinding
8. Kedudukan paip bolong (rwdp) – hendaklah ditanam dibawah apron.
9. Jenis bumbung dan kecerunan yang tidak kurang 17.5 darjah minima ( untuk roof jenis 'tile')
10. Sediakan spesifikasi bumbung dengan penebat haba
11. Tunjukkan kedudukan tangki air – hendaklah berada didalam kerangka bumbung

UNTUK KEGUNAAN  
PERUNDING

12. Palong (gutter) ditunjukkan sekiranya disediakan

13. Ukuran tangga – jejak (255mm min.) dan anak tangga (180mm max.) dan ketinggian railing (900mm min.)

**VI. PELAN BUMBUNG – dilengkapkan dengan perkara berikut :-**

1. Kedudukan tangki air – 'dotted line' untuk tamb. Baru

2. Catitkan kecerunan bumbung yang tidak kurang 17.5 darjah minima (untuk roof tile) utk. tamb. Baru

3. Sila tunjukkan kedudukan vent. Pipe utk tamb. baru

4. Menyediakan gutter (palong) pada setiap bumbung baru

5. Bumbung baru dari jenis 'asbestos free' unit kediaman.

**E. SYARAT-SYARAT AM**

1. Warnakan tambahan baru dengan warna merah dan bangunan yang dirobohkan dengan warna biru.

2. Keluasan tambahan lantai baru yang melebihi 300 meter persegi (Keluasan lantai tingkat bawah dan atas) hendaklah dikemukakan oleh Arkitek Berdaftar.

3. Ketinggian bumbung baru tidak boleh melebihi ketinggian bumbung asal.

4. Sila pastikan tambahan baru disediakan ruang pengudaraan pencahayaan yang mencukupi.

5. Pembedulan pada pelan hendaklah disahkan dan dicop.

6. Tambahan baru tidak boleh melebihi garisan anjakan bangunan.

7. Sila sertakan lukisan R.C dan perkiraan untuk bangunan tambahan 2 tingkat atau pembinaan R.C 'flat roof' yang baru.



**UNTUK KEGUNAAN  
PERUNDING**

8. Surat pengesahan kekukuhan struktur bangunan dari Jurutera bertauliah hendaklah disertakan bagi permohonan yang dikemukakan Pelukis Pelan.
9. Binaan yang termasuk di dalam anjakan bangunan akan dikenakan Fi tambahan sebanyak dua puluh (20) kali ganda dari yuran proses pelan bagi setiap bahagian. Sila rujuk syarat-syarat yang dibenarkan di dalam Website MBSA.

---

“ Dengan ini saya memperakui bahawa pelan-pelan yang saya kemukakan adalah mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan didalam **Senarai Semakan Tambahan Pindaan Individu** seperti yang disediakan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam”.

Tandatangan Arkitek : .....

Nama & Cop Rasmi Arkitek :

Tarikh :

# MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

## (JABATAN BANGUNAN)

### SENARAI SEMAK BANGUNAN SEMENTARA PELAN TAMBAHAN PINDAAN KEDIAMAN (LAMPIRAN EMAIL)

	UNTUK KEGUNAAN PERUNDING
A. 2 Set pelan bangunan sementara hendaklah disediakan berasingan dari pelan- pelan bangunan.	<input type="checkbox"/>
<b>B. KEPERLUAN FORMAT LUKISAN</b>	
1 Format lukisan perlu disediakan di bahagian kanan kertas pada setiap salinan pelan.	<input type="checkbox"/>
2 Disediakan ruang kosong dipenjuru atas format lukisan pada setiap pelan berukuran 100mm x 150mm untuk di cop kelulusan Majlis.	<input type="checkbox"/>
3 Tajuk cadangan projek hendaklah dicatitkan kegunaan/jenis bangunan, bilangan unit bangunan, bilangan tingkat bangunan, no. rumah, nama jalan, seksyen, poskod, bandar, negeri dan nama pemilik bangunan.	<input type="checkbox"/>
4 Nama pemilik bangunan / tuan tanah (seperti yang dicatitkan dalam S & P / surat hakmilik tanah) no. IC, no. telefon, tandatangan asal dan alamat.	<input type="checkbox"/>
5 Dicatitkan dan disahkan pada setiap pelan perakuan berikut :	<input type="checkbox"/>
<p>“ Saya memperakui bahawa perinci-perinci dalam pelan-pelan ini adalah menurut kehendak-kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 1986 dan saya setuju terima tanggungjawab penuh dengan sewajarnya “</p> <p style="text-align: center;">.....</p> <p style="text-align: center;">Orang yang berkeelayakan. ( Tandatangan, nama,alamat Nombor pendaftaran dan kelas )</p>	
6 Nama, alamat, tandatangan, nombor pendaftaran dan cop rasmi Arkitek	<input type="checkbox"/>
<b>C. LUKISAN-LUKISAN YANG PERLU DIKEMUKAKAN :-</b>	
1. Pelan kunci ( menunjukkan seksyen-seksyen di Shah Alam ) – warnakan merah tapak cadangan sahaja.	<input type="checkbox"/>
2. Pelan lokasi yang jelas menunjukkan arah dari jalan utama ke tapak.	<input type="checkbox"/>
3. Pelan tapak dalam sekil 1 : 200 untuk bangunan sesebuah	<input type="checkbox"/>
4. Pelan Lantai dalam sekil 1 : 50	<input type="checkbox"/>
5. Pelan Tampak Hadapan, Belakang dan Tepi- sekil 1 : 50	<input type="checkbox"/>
6. Pelan Keratan dalam sekil 1 : 50	<input type="checkbox"/>

**UNTUK KEGUNAAN  
PERUNDING**

**I. PELAN LOKASI** – dilengkapi dengan perkara berikut :-

- |   |                          |
|---|--------------------------|
| 1. Arah Utara   | <input type="checkbox"/> |
| 2. Skala bersesuaian  | <input type="checkbox"/> |
| 3. Nama-nama jalan berhampiran – dicatitkan dengan jelas        | <input type="checkbox"/> |
| 4. Nombor lot / nombor rumah                                    | <input type="checkbox"/> |
| 5. Bangunan berhampiran sediaada                                | <input type="checkbox"/> |
| 6. Tapak cadangan berwarna merah                                | <input type="checkbox"/> |
| 7. Menunjukkan arah dari Jalan Utama sediaada ke tapak cadangan | <input type="checkbox"/> |

**II. PELAN TAPAK** – dilengkapi dengan perkara berikut :-

- |   |                          |
|---|--------------------------|
| 1. Arah Utara   | <input type="checkbox"/> |
| 2. Skala  | <input type="checkbox"/> |
| 3. Nama-nama jalan berhampiran (mengikut nama jalan pada tajuk cadangan)                            | <input type="checkbox"/> |
| 4. Nombor lot / nombor rumah  | <input type="checkbox"/> |
| 5. Ukuran Lot   | <input type="checkbox"/> |
| 6. Cadangan Binaan Sementara berwarna merah   | <input type="checkbox"/> |
| 7. Pintu masuk berpagar   | <input type="checkbox"/> |
| 8. Kolam pembersih tayar (water trough)-diwarnakan merah  | <input type="checkbox"/> |
| 9. Nama bangunan sementara  | <input type="checkbox"/> |
| 10. Pagar keselamatan yang dilukis sekeliling tapak diwarnakan merah termasuk papan tanda pembinaan | <input type="checkbox"/> |



**III. PELAN LANTAI DAN PELAN TAMPAK** – untuk bangunan sementara seperti pejabat tapak, tandas mudah alih, stor, dll.

- |                       |                          |
|-----------------------|--------------------------|
| 1. Skala 1 : 50       | <input type="checkbox"/> |
| 2. Ukuran ditunjukkan | <input type="checkbox"/> |


	<b>UNTUK KEGUNAAN PERUNDING</b>
3. Binaan sementara diwarnakan	<input type="checkbox"/>
4. Penggunaan kabin sahaja dibenarkan untuk stor, dan pejabat tapak	<input type="checkbox"/>
5. Penggunaan tandas mudahalih 'mobile toilet' sahaja dibenarkan.	<input type="checkbox"/>
6. Pelan-pelan diwarnakan	<input type="checkbox"/>
<b>IV PAGAR KESELAMATAN</b>	
1. Lukisan terperinci pagar keselamatan dalam skala 1 : 50	<input type="checkbox"/>
2. Bahan binaan mestilah dari 'metal deck'	<input type="checkbox"/>
3. Ketinggian minima ialah 3658 mm (12 kaki)	<input type="checkbox"/>
4. Dipasang disekeliling tapak pembinaan	<input type="checkbox"/>
5. Dipasang menegak	<input type="checkbox"/>
6. Pelan-pelan diwarnakan	<input type="checkbox"/>
<b>v PAPAN TANDA PEMBINAAN</b>	
1. Lukisan pelan tampak dan keratan dalam skala 1 : 25	<input type="checkbox"/>
2. Lokasi papantanda pembinaan di hadapan 'hoarding'	<input type="checkbox"/>
3. Lukisan perincian papantanda pembinaan mengikut spesifikasi Majlis dan mengandungi perkara berikut :	<input type="checkbox"/>
a) Catitan " SHAH ALAM BANDAR ANGGERIK"	
b) Tajuk projek	
c) Nama dan alamat pemilik	
d) Nama dan alamat Arkitek	
e) Nama Nama dan alamat Jurutera civil dan struktur	
f) Nama dan alamat Jurutera mekanikal / elektrik	
g) Nama dan alamat Kontraktor	
h) Nombor rujukan pelan lulus	
i) Tarikh mula dan tamat pembinaan	
j) Slogan	
4. Pelan-pelan diwarnakan	<input type="checkbox"/>

**Sebarang perubahan pada bilangan unit binaan sementara atau kedudukan binaan sementara ditapak hendaklah dimaklumkan kepada Majlis.**







**PAGAR KESELAMATAN**




SECTION X-X  
SCALE : 1 : 25



SIDE ELEVATION  
SCALE : 1 : 25



FLOOR PLAN  
SCALE : 1 : 25



FRONT ELEVATION  
SCALE : 1 : 25

# TANDAS MUDAH ALIH

<b>JADUAL WARNA UNTUK PERMOHONAN PELAN TAMBAHAN PINDAAN SAHAJA</b>
--

- |          |   |   |
|----------|---|---|
| 1. MERAH | - | TAMBAHAN/ LANTAI BARU                           |
|          | - | GARISAN SEMPADAN                                |
|          | - | GARISAN SETBACK                                 |
|          | - | DOTTED LINE UNTUK UNDERGROUND PIPE BARU         |
|          | - | GARISAN MERAH UNTUK PARKING BARU                |
| 2. BIRU  | - | DOTTED LINE UNTUK 'DEMOLISHED' / 'OMITTED' WORK |



<b>JADUAL WARNA UNTUK PERMOHONAN PELAN TAMBAHAN PINDAAN KEDIAMAN YANG MELEBIHI 50% PEMBINAAN</b>
--

**A. KEY PLAN**

1. MERAH / PINK - TAPAK CADANGAN

**B. LOCATION PLAN**

1. MERAH / PINK - LOT CADANGAN

**C. SITE PLAN**

1. MERAH / PINK - BANGUNAN CADANGAN TERMASUK  
- KEBUK SAMPAH DAN LAIN-LAIN BANGUNAN  
- GARISAN ANJAKAN / SETBACK  
- ARAH AIR KUMBAHAN

2. KUNING - JALAN BARU, APRON, DRIVEWAY

3. OREN - PAVING, PENJALAN KAKI

4. BIRU - KOLAM IKAN / KOLAM RENANG  
- OXIDATION POND/ KOLAM TADAHAN  
- MANHOLE  
- LONGKANG

5. HIJAU - TURFING, LANDSCAPE, KAWASAN LAPANG

**D. PELAN LANTAI**

1. MERAH CILI - BRICKWALL, BRICKWORK, MASONARY, DRY WALL,  
- GYPSUM BOARD (  
- GARISAN ARAH ALIRAN AIR KUMBAHAN  
- KUMBAHAN  
- GARISAN SEMPADAN / GARISAN SET BACK

2. MERAH JAMBU - CERAMIC / HOMOGENOUS TILES,  
- KARPET DAN LAIN-LAIN KEMASAN

3. KUNING - KEMASAN LANTAI CEMENT RENDERED / CEMENT SCREED,  
- FLOOR HARDENER  
- ENTRANCE CULVERT, CONCRETE ROAD  
- P.C. SLAB / R.C GUTTER / R.C. APRON  
- HALF WALL ( BRICK )

4. OREN - PAVING / PENJALAN KAKI

5. BIRU - RUANG TOILET/BATH/POWDER ROOM, RUANG ABLUTION  
- LONGKANG TERBUKA ( GARISAN DOTTED BIRU SEKIRANYA  
- UNDERGROUND DRAIN/PIPE)  
- KOLAM RENANG / POND / OXIDATION POND  
- TANGKI AIR, SPAH  
- MANHOLE, SUMP  
- TINGKAP DARI JENIS GLASS DAN STEEL

6. HIJAU - TURFING , LANDSCAPE, KAWASAN LAPANG

7. KELABU - JALAN PREMIX / TAR

8. BROWN - PARQUET, TIMBER STRIP  
- RAILING / TANGGA KAYU, DECKING

9. UNGU - MARBLE

**E. PELAN BUMBUNG**

- |           |   |                            |
|-----------|---|----------------------------|
| 1. MERAH  | - | ROOF TILES                 |
| 2. BIRU   | - | METAL DECK, CLADDING,      |
|           | - | CORRUGATED ASBESTOS SHEET  |
|           | - | GLASS, STEEL               |
|           | - | GUTTER PVC, POLY CARBONATE |
|           | - | TANGKI AIR                 |
| 3. KUNING | - | R.C.FLAT ROOF              |
|           | - | R.C GUTTER                 |
|           | - | PEDIMENT WALL              |


**F. PELAN KERATAN**

- |           |   |   |
|-----------|---|---|
| 1. MERAH  | - | BRICKWALL, HALF WALL, DRY WALL, GYPSUM BOARD    |
| 2. BIRU   | - | TINGKAP DARI GLASS / STEEL                      |
|           | - | PINTU DARI GLASS / STEEL (ROLLER SHUTTER)       |
|           | - | ROOF STRUCTURE – STEEL / GLASS / POLY CARBONATE |
|           | - | DINDING – GLASS / CLADDING                      |
|           | - | BATH/ TOILET/ABLUTION                           |
| 3. COKLAT | - | ROOF STRUCTURE DARI KAYU, PINTU KAYU            |
|           | - | RAILING DAN TANGGA KAYU                         |
| 4. HIJAU  | - | R.C.SLAB ( FLOOR ), CONCRETE SLAB               |
|           | - | R.C. COLUMN /R.C. WALL                          |
| 5. KUNING | - | DINDING PLASTERED, VENT BLOCK                   |


**G. PELAN ELEVATION**

- |                |   |  |
|----------------|---|--|
| 1. MERAH       | - | BUMBUNG ROOF TILES                                     |
| 2. MERAH JAMBU | - | DINDING DARI TILES, STONE FINISH DAN LAIN-LAIN KEMASAN |
| 3. BIRU        | - | BUMBUNG / DINDING DARI METAL DECK,                     |
|                | - | BUMBUNG / CORRUGATED ASBESTOS SHEET                    |
|                | - | DINDING CLADDING / GLASS                               |
|                | - | RAILING DARI STEEL                                     |
|                | - | GUTTER PVC, POLYCARBONATE                              |
|                | - | TANGKI AIR   |
|                | - | RAIN WATER DOWN PIPE ( RWDP )                          |
|                | - | PINTU – ROLLER SHUTTER DARI GLASS / STEEL              |
|                | - | SPAH / TANGKI AIR                                      |
|                | - | PINTU PVC/GLASS/STEEL/GRILLE                           |
| 4. BROWN       | - | PINTU KAYU / TINGKAP KAYU                              |
|                | - | RAILING DAN TANGGA KAYU                                |
| 5. KUNING      | - | DINDING BRICKWALL ( PLASTERED ) DINDING R.C.           |
|                | - | DINDING VENT BLOCK                                     |
|                | - | HALF WALL / LOW WALL / PLANTER BOX                     |


**FORMAT PELAN PERMOHONAN KELULUSAN**




**FORMAT LIPATAN PELAN PERMOHONAN KELULUSAN**



CONTOH PELAN KUNCI




**GARIS PANDUAN TAMBAHAN PINDAAN DI DALAM KAWASAN ANJAKAN BANGUNAN**




**1) RUMAH TERES LOT TENGAH (INTERMEDIATE)**

Bahagian	A Dinding	B Teres terbuka / anjung kereta / balkoni	C Cucur atap / talang air
Hadapan	6000mm / 20'	3000mm / 10'	1800mm / 6'
Belakang	Sempadan Lot	Sempadan Lot	Sempadan Lot



**2) RUMAH TERES LOT HUJUNG (END LOT)**

Bahagian	A Dinding	B Teres terbuka / anjung kereta / balkoni	C Cucur atap / talang air
Hadapan	6000mm / 20'	3000mm / 10'	1800mm / 6'
Sisi Kiri / Kanan	Sempadan Lot	Sempadan Lot	Sempadan Lot
Belakang	Sempadan Lot	Sempadan Lot	Sempadan Lot



**3) RUMAH TERES LOT HUJUNG (END LOT)**

**BERSEMPADAN DENGAN :-**


- i. KAWASAN LAPANG
- ii. ZON PENAMPAN
- iii. RUANG LEGA KEBAKARAN (FIRE BREAK)

Bahagian	A Dinding	B Teres terbuka / anjung kereta / balkoni	C Cucur atap / talang air
Hadapan	6000mm / 20'	3000mm / 10'	1800mm / 6'
Sisi Kiri / Kanan	3000mm / 10'	1500mm / 5'	900mm / 3'
Belakang	Sempadan Lot	Sempadan Lot	Sempadan Lot

**4) RUMAH TERES LOT TEPI (CORNER LOT)**


Bahagian	A Dinding	B Teres terbuka / anjung kereta / balkoni	C Cucur atap / talang air
Hadapan	6000mm / 20'	3000mm / 10'	1800mm / 6'
Sisi Kiri / Kanan	3000mm / 10'	3000mm / 10'	2100mm / 7'
Belakang	Sempadan Lot	Sempadan Lot	Sempadan Lot

**5) RUMAH BERKEMBAR LOT TENGAH  
(INTERMEDIATE)**




Bahagian	A Dinding	B Teres terbuka / anjung kereta / balkoni	C Cucur atap / talang air
Hadapan	6000mm / 20'	3000mm / 10'	1800mm / 6'
Sisi Kiri / Kanan	3000mm / 10'	1500mm / 5'	900mm / 3'
Belakang	3000mm / 10'	1500mm / 5'	900mm / 3'

**6) RUMAH BERKEMBAR LOT TENGAH  
(INTERMEDIATE)**




Bahagian	A Dinding	B Teres terbuka / anjung kereta / balkoni	C Cucur atap / talang air
Hadapan	6000mm / 20'	3000mm / 10'	1800mm / 6'
Sisi Kiri / Kanan	3000mm / 10'	1500mm / 5'	900mm / 3'
Belakang	3000mm / 10'	1500mm / 5'	900mm / 3'

**7) RUMAH BERKEMBAR LOT HUJUNG (END LOT)**



Bahagian	A Dinding	B Teres terbuka / anjung kereta / balkoni	C Cucur atap / talang air
Hadapan	6000mm / 20'	3000mm / 10'	1800mm / 6'
Sisi Kiri / Kanan	3000mm / 10'	1500mm / 5'	900mm / 3'
Belakang	3000mm / 10'	1500mm / 5'	900mm / 3'


**8) RUMAH BERKEMBAR LOT TEPI (CORNER LOT)**



Bahagian	A Dinding	B Teres terbuka / anjung kereta / balkoni	C Cucur atap / talang air
Hadapan	6000mm / 20'	3000mm / 10'	1800mm / 6'
Sisi Kiri / Kanan	3000mm / 10'	3000mm / 10'	2100mm / 7'
Belakang	3000mm / 10'	1500mm / 5'	900mm / 3'




**9) RUMAH KLUSTER LOT TENGAH (INTERMEDIATE)**




Bahagian	A Dinding	B Teres terbuka / anjung kereta / balkoni	C Cucur atap / talang air
Hadapan	6000mm / 20'	3000mm / 10'	1800mm / 6'
Sisi Kiri / Kanan	3000mm / 10'	1500mm / 5'	900mm / 3'
Belakang	Sempadan Lot	Sempadan Lot	Sempadan Lot

**10) RUMAH KLUSTER LOT HUJUNG (END LOT)**




Bahagian	A Dinding	B Teres terbuka / anjung kereta / balkoni	C Cucur atap / talang air
Hadapan	6000mm / 20'	3000mm / 10'	1800mm / 6'
Sisi Kiri / Kanan	3000mm / 10'	1500mm / 5'	900mm / 3'
Belakang	Sempadan Lot	Sempadan Lot	Sempadan Lot

**11) RUMAH KLUSTER LOT TEPI (CORNER LOT)**




Bahagian	A Dinding	B Teras terbuka / anjung kereta / balkoni	C Cucur atap / talang air
Hadapan	6000mm / 20'	3000mm / 10'	1800mm / 6'
Sisi Kiri / Kanan	3000mm / 10'	3000mm / 10'	2100mm / 7'
Belakang	Sempadan Lot	Sempadan Lot	Sempadan Lot

**12) RUMAH BANGLO "ZERO LOT" - LOT  
TENGAH (INTERMEDIATE)**




Bahagian	A Dinding	B Teras terbuka / anjung kereta / balkoni	C Cucur atap / talang air
Hadapan	6000mm / 20'	3000mm / 10'	1800mm / 6'
Sisi Kiri / Kanan	3000mm / 10'	1500mm / 5'	900mm / 3'
Belakang	3000mm / 10'	1500mm / 5'	900mm / 3'

**13) RUMAH BANGLO 'ZERO LOT' - LOT HUJUNG  
(END LOT)**




Bahagian	A Dinding	B Teres terbuka / anjung kereta / balkoni	C Cucur atap / talang air
Hadapan	6000mm / 20'	3000mm / 10'	1800mm / 6'
Sisi Kiri / Kanan	3000mm / 10'	1500mm / 5'	900mm / 3'
Belakang	3000mm / 10'	1500mm / 5'	900mm / 3'

**14) RUMAH BANGLO 'ZERO LOT' - LOT TEPI  
(CORNER LOT)**




Bahagian	A Dinding	B Teres terbuka / anjung kereta / balkoni	C Cucur atap / talang air
Hadapan	6000mm / 20'	3000mm / 10'	1800mm / 6'
Sisi Kiri / Kanan	3000mm / 10'	3000mm / 10'	2100mm / 7'
Belakang	3000mm / 10'	1500mm / 5'	900mm / 3'

**15) RUMAH BANGLO LOT TENGAH  
(INTERMEDIATE)**




Bahagian	A Dinding	B Teras terbuka / anjung kereta / balkoni	C Cucur atap / talang air
Hadapan	6000mm / 20'	3000mm / 10'	1800mm / 6'
Sisi Kiri dan Kanan	3000mm / 10'	1500mm / 5'	900mm / 3'
Belakang	3000mm / 10'	1500mm / 5'	900mm / 3'

**16) RUMAH BANGLO LOT HUJUNG (END LOT)**



Bahagian	A Dinding	B Teras terbuka / anjung kereta / balkoni	C Cucur atap / talang air
Hadapan	6000mm / 20'	3000mm / 10'	1800mm / 6'
Sisi Kiri dan Kanan	3000mm / 10'	1500mm / 5'	900mm / 3'
Belakang	3000mm / 10'	1500mm / 5'	900mm / 3'

**17) RUMAH BANGLO LOT TEPI (CORNER LOT)**



Bahagian	A Dinding	B Teras terbuka / anjung kereta / balkoni	C Cucur atap / talang air
Hadapan	6000mm / 20'	3000mm / 10'	1800mm / 6'
Sisi Kiri / Kanan	3000mm / 10'	3000mm / 10'	2100mm / 7'
Sisi Kanan / Kiri	3000mm / 10'	1500mm / 5'	900mm / 3'
Belakang	3000mm / 10'	1500mm / 5'	900mm / 3'

## SYARAT-SYARAT UNTUK MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

---

### 1) LANTIK PERUNDING

Pemilik dikehendaki melantik **Arkitek Profesional** atau **Pelukis Pelan** yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) bagi mengemukakan pelan tambahan/pindaan tersebut untuk pertimbangan dan seterusnya kelulusan Majlis. Bagi tambahan yang **melebihi 300m<sup>2</sup>** permohonan hanya boleh dikemukakan oleh **Arkitek Profesional**.

### 2) BAYARAN FI

Bagi tambahan / pindaan yang **melebihi 50%** daripada keluasan asal bangunan sedia ada **fi bagi cadangan baru** akan dikenakan.

### 3) PERSETUJUAN JIRAN

Pemilik perlu mendapatkan persetujuan daripada jiran yang tinggal bersebelahan :-

- i) bagi pembinaan dinding pemisah (party wall). **Dinding pemisah 'party wall'** ini hendaklah ditinggikan sehingga **230mm** dari paras bumbung serta dilepa di kedua - dua belah dan dikemaskan dengan skema cat warna asal bangunan,
- ii) bagi pembinaan pagar baru / dinding baru / bumbung teres terbuka / balkoni,
- iii) bagi tambahan **balkoni di tingkat atas** (bagi mengantikan bumbung 'porch'). Ketinggian maksima jeriji 'railing' atau dinding separa tinggi (half wall) pada ruang tambahan balkoni adalah **900mm – 1000mm**.
- iv) bagi tambahan sebuah kolam renang di bahagian **kiri / kanan** bangunan
- v) bagi ubahsuai bumbung 'porch'. (*Catitan* - Persetujuan ini hanya melibatkan ubahsuai kepada jenis bumbung 'porch' yang bercantum dengan bumbung 'porch' jiran sahaja).

Persetujuan ini diperlukan bagi memelihara keharmonian, menjaga privasi sesama jiran, menghormati hak jiran (jika harta milik bersama) dan mengelakkan aduan semasa kerja-kerja dijalankan serta pemakluman bahawa anda adalah bertanggung jawab sepenuhnya untuk membaiki sebarang kerosakan kepada struktur yang bersempadanan dengan rumah jiran jika kerosakan tersebut terbukti berpunca dari kerja-kerja pembinaan yang sedang dijalankan. Kebenaran untuk memasuki kawasan rumah jiran diperlukan sekiranya memerlukan kerja-kerja melepai dan mengecat permukaan jeriji 'railing' atau dinding separa tinggi (half wall) / dinding baru / pagar baru yang berada di dalam kawasan rumah jiran.

Surat persetujuan yang telah ditandatangani oleh jiran – jiran tersebut hendaklah dikemukakan bersama semasa permohonan pelan dikemukakan untuk kelulusan di kaunter. Tanpa surat persetujuan jiran-jiran, pemilik **tidak dibenarkan** untuk membina tambahan seperti yang dicadangkan.

#### 4) KOLAM RENANG

Meninggalkan anjakan minimum sebanyak **2100mm ( 7'0" kaki )** dari hujung kolam renang tersebut ke sempadan lot (pagar) bagi mengelakkan sebarang aduan dari jiran bersebelahan.

Adalah diingatkan bahawa pemilik rumah akan dikenakan **denda** sebanyak **dua puluh (20) kali ganda** dari yuran proses untuk tambahan yang memasuki kawasan anjakan bangunan.

#### 5) KOLAM PANCURAN / KOLAM IKAN

Meninggalkan anjakan minimum sebanyak **900mm ( 3'0" kaki )** dari hujung kolam pancuran air / kolam ikan tersebut ke sempadan lot (pagar) bagi mengelakkan sebarang aduan dari jiran bersebelahan.

Adalah diingatkan bahawa pemilik rumah akan dikenakan **denda** sebanyak **dua puluh (20) kali ganda** dari yuran proses untuk tambahan yang memasuki kawasan anjakan bangunan.

#### 6) PONDOK PENGAWAL / GAZEBO / WAKAF / TEMPAT LETAK KERETA BERBUMBUNG

Meninggalkan anjakan minimum bagi unjuran bumbung (roof eaves) binaan **pondok pengawal / gazebo / wakaf / tempat letak kereta berbumbung** sebanyak **900mm (3'0" kaki)** ke sempadan lot (pagar). Menyediakan tandas pada pondok pengawal kecuali mempunyai akses untuk menggunakan tandas sedia ada yang berdekatan.

Adalah diingatkan bahawa pemilik rumah akan dikenakan bayaran tambahan (**denda**) sebanyak **dua puluh (20) kali ganda** dari yuran proses untuk tambahan yang memasuki kawasan anjakan bangunan (kecuali bagi binaan pondok pengawal).

#### 7) BUKAAN PADA DINDING TAMBAHAN BARU ( Bagi Unit Hujung 'end lot' )

Tidak dibenarkan membuat sebarang bukaan pada dinding tambahan baru (tingkat bawah sahaja) yang dibina pada garisan sempadan yang bersebelahan lorong tepi dengan **kelebaran kurang dari 20.0'**.

#### 8) PINTU PAGAR KEDUA

Mengemukakan permohonan ke **Jabatan Perancangan, MBSA** untuk mendapatkan kebenaran pintu pagar kedua 'new entrance' yang dibuat tidak mengikut nama jalan pada alamat lokasi.

Mendapatkan ulasan dari **Jabatan Landskap, MBSA** sekiranya perlu menebang atau mengalihkan pokok pada cadangan bukaan pintu pagar kedua.

Mendapatkan ulasan dari **Jabatan Kejuruteraan, MBSA** sekiranya perlu memecahkan laluan pejalan kaki sedia ada.

**9) KERJA-KERJA PEROBOHAN – ‘METHOD STATEMENT’**

Perunding yang dilantik dikehendaki melampirkan ‘**Method Of Statement**’ daripada Jurutera Bertauliah untuk kerja-kerja perobohan rumah asal dengan menyatakan kajian terperinci mengenai kaedah perobohan dan langkah-langkah keselamatan yang diambil semasa kerja-kerja perobohan dilaksanakan. Jurutera berkenaan juga dikehendaki menyertakan surat pengesahan kekukuhan struktur dan pelan – pelan struktur yang telah disahkan.

**10) KERJA TANAH (CUT & FILL), BASEMENT DAN RETAINING WALL**

Sekiranya pembinaan melibatkan kerja tanah (cut & fill) Jurutera Perunding perlu mengemukakan permohonan **Permit Mengeluarkan Tanah dan Batuan** dari Pejabat Tanah dan Galian (PTG) terlebih dahulu sebelum Pelan Bangunan dikemukakan ke Jabatan Bangunan.

Selain itu, Jurutera Perunding juga dikehendaki mendapatkan kelulusan **Pelan Kerja Tanah** daripada Jabatan Kejuruteraan, MBSA yang menyatakan kaedah pengorekan serta langkah-langkah keselamatan semasa kerja-kerja tanah dijalankan.

Mengemukakan surat dan perkiraan kekukuhan struktur beserta pelan struktur untuk binaan ‘**BASEMENT**’ DAN ‘**RETAINING WALL**’ daripada Jurutera bertauliah dan berdaftar dan perlu mengemukakan ke Jabatan Kejuruteraan, MBSA untuk ulasan dan kelulusan terlebih dahulu bagi reka bentuk, bahan dan kekukuhan struktur sebelum Pelan Bangunan dikemukakan ke Jabatan Bangunan.

**11) BUMBUNG RATA**

Mengemukakan **Surat Akujanji** untuk menyelenggara bumbung rata ‘Flat Roof’( jika ada) yang akan dibina serta surat kekukuhan struktur bumbung daripada Jurutera Berdaftar dan seterusnya memastikan bumbung rata sentiasa diselenggara dalam keadaan baik dan tiada air hujan yang bertakung. Kecerunan minima bagi bumbung rata adalah 4°.

**12) TALANG AIR (BUMBUNG CURAM)**

Jika menggunakan bumbung curam, sila pastikan talang air hujan (gutter) di bumbung tambahan baru disediakan.

**13) KEKUKUHAN STRUKTUR**

Perunding yang dilantik dikehendaki melampirkan surat pengesahan kekukuhan struktur dan pelan – pelan struktur yang telah disahkan oleh Jurutera Bertauliah.

**14) KEKAL REKABENTUK ASAL**

Rekabentuk yang dicadangkan hendaklah mengekalkan ciri – ciri senibina rekabentuk dan keseragaman fasad, bumbung serta skema warna pembangunan asal.



## 15) PERUMAHAN BERSTRATA ATAU KOMUNITI BERPAGAR & BERPENGAWAL (GATED & GUARDED COMMUNITY)

Pemilik rumah yang tinggal di dalam kawasan komuniti berpagar dan berpengawal (Gated and Guarded Community) dikehendaki mendapatkan **surat tiada halangan atau persetujuan** daripada Pemaju / (Managing Corporation) / JMB bagi tambahan/pindaan yang dicadangkan terlebih dahulu. Persetujuan ini adalah untuk mengelakkan daripada berlakunya percanggahan / pelanggaran pada syarat-syarat perjanjian yang terkandung di dalam 'Deed of Mutual Covenant' (DMC) yang telah dipersetujui dan ditanda tangani oleh pemilik dan pemaju.

Adalah diingatkan bahawa tanpa surat persetujuan Pemaju / (Managing Corporation) / JMB tersebut pemilik tidak dibenarkan membina tambahan seperti yang dikehendaki.

## 16) PAGAR KESELAMATAN DAN PAPAN TANDA

Bagi tambahan / pindaan yang melebihi **50% daripada keluasan asal bangunan sedia ada** pihak Perunding yang dilantik dikehendaki mengemukakan pelan bagi pagar keselamatan dan papan tanda binaan.

## PERINGATAN

### 1. FI TAMBAHAN (DENDA)

Pemilik akan dikenakan fi tambahan (denda) sebanyak **dua puluh (20) kali ganda** dari yuran proses pelan untuk tambahan yang melebihi anjakan bangunan dan bayaran tambahan sebanyak **lima (5) kali ganda** fi proses bagi binaan yang **telah dibina** di tapak tanpa kelulusan Majlis merujuk Seksyen 70(1), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) iaitu :

*"Tiada seseorang boleh mendirikan sesuatu bangunan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pihak Berkuasa Tempatan."*

Pemilik adalah diingatkan bahawa fi tambahan yang dikenakan ini tidak mengecualikan seseorang daripada didakwa oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Pihak Majlis juga berhak merobohkan tambahan bangunan sekiranya terdapat mana – mana individu atau pihak yang tidak berpuas hati terhadap binaan yang didirikan di dalam kawasan tersebut.

### 2. SURAT AKUJANJI

Pemilik perlu mengemukakan **Surat Akujanji** untuk membaiki sebarang kerosakan yang berlaku kepada rumah jiran bersebelahan yang berpunca dari kerja-kerja pembinaan yang dilakukan di tapak (jika melibatkan struktur yang dikongsi bersama).

Pemilik juga dikehendaki mengemukakan akujanji untuk tidak membina selain dari yang dimohon dan diluluskan oleh Majlis. Adalah diingatkan bahawa kesalahan membina melencong daripada pelan lulus membolehkan pihak Majlis mengenakan tindakan Undang-Undang terhadap pemilik mengikut peruntukan di bawah Seksyen 70(13)(b), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) iaitu,

*"Seseorang yang melencong daripada mana-mana pelan atau penentuan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada lima puluh ribu*

*ringgit atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan juga boleh dikenakan denda tambahan sebanyak satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.”*

3. Perunding diingatkan adalah menjadi satu kesalahan di bawah peruntukan **Seksyen 70(13)(b) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)** iaitu mana-mana orang yang **MELENCONG** daripada mana-mana pelan atau penentuan yang diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa tempatan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi **LIMA PULUH RIBU RINGGIT (RM50,000.00)** atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan juga boleh didenda tambahan sebanyak **SATU RIBU RINGGIT (RM1,000.00)** bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.